

BELATUK HIJAU
Laced Woodpecker

FAMILI : Picidae
NAMA SAINTIFIK: *Picus vittatus*



CIRI-CIRI

Bahagian atas badan burung ini berwarna hijau. Warna hijau kekuningan juga terdapat dibahagian punggung. Bahagian kening mata kelihatan pudar manakala bahagian atas dada dan leher berwarna kuning pucat yang gelap. Pada bahagian bawah dada pula berwarna kuning pucat. Penekanan harus ditumpukan pada paruh yang mempunyai *lace* yang agak gelap serta kepala yang berwarna merah.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0-33.0 sm dan berat 94-132 g.

MAKANAN

Kumbang, semut, serangga kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Kawasan buluh, hutan sekunder dan kawasan paya bakau.

BUNYI

Jantan yang bersifat kewilayahan mengeluarkan bunyi panjang yang seakan sama dengan bunyi Belatuk Kepala Kelabu *Picus canus* tetapi ia adalah lebih laju, nod yang lebih pendek dan nada yang lebih rendah. Ketukan adalah sekata. Bunyi panggilan iaitu *ik* atau *yik* adalah kuat dan pendek.

TABIAT

Kebiasaannya didapati berpasangan atau sendirian, mencari makanan di atas tanah atau di atas batang-batang pokok tumbang atau pokok buluh.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah di antara bulan Februari hingga Julai. Biasanya membuat sarang di dalam batang pokok pada ketinggian 0.5-9 meter dari aras tanah. Bertelur di antara 3-4 butir yang berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.